

14 APR 2002

Ghapur-Umno

JANGAN BANGKITKAN ISU PERKAUMAN DALAM UMNO, KATA GHAPUR

TAWAU, 14 April (Bernama) -- Menteri di Jabatan Ketua Menteri Datuk Abdul Ghapur Salleh meminta anggota Umno supaya tidak membangkitkan isu kesukuan untuk kepentingan politik.

Ghapur yang juga Ketua Umno Tawau berkata parti itu adalah kepunyaan semua anggota tanpa mengira kaum dan keturunan dan oleh itu, persoalan seumpama itu tidak timbul.

"Tiada tempat di dalam Umno bagi mereka yang suka memainkan sentimen perkauman kerana ia merugikan serta boleh membawa perpecahan".

"Apa yang penting buat masa ini ialah menyatupadukan anggota kerana jika Umno lemah bermakna kedudukan anggota komponen Barisan Nasional yang lain mungkin turut terjejas," katanya ketika merasmikan persidangan perwakilan Umno Tawau, di sini hari ini.

Beliau berkata anggota Umno perlu mengutamakan perpaduan bagi memastikan parti yang menjadi tonggak pemerintahan negara itu terus relevan dan mendapat sokongan padu daripada rakyat.

"Jangan kita bercakaran sesama sendiri kerana kalau ini berlaku, ia boleh merugikan anggota Umno itu sendiri," katanya.

Ghapur turut membidas parti pembangkang yang cuba menentukan pucuk pimpinan Umno akan datang sedangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad belum membuat sebarang kenyataan untuk melepaskan jawatannya.

"Sebagai anggota parti, kita (Umno) tetap menyokong kepimpinan Dr Mahathir," katanya.

-- BERNAMA

IL LAT